



**SURAT PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 2 TAHUN 2013**

**Semua Ketua Jabatan Negeri,
MELAKA**

**KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK
BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI MELAKA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemberian kuasa oleh Y.A.B Ketua Menteri Melaka kepada pegawai – pegawai kerajaan untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan, 1949 (Akta 120)(Pindaan 1973) serta tatacara penyediaan dokumen kontrak.

LATAR BELAKANG

2. Y.A.B Ketua Menteri Melaka melalui surat rujukan 005/1/3 JLD.VI bertarikh 13 Februari 2013 telah memberi kuasa di bawah Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan, 1949 (Akta 120)(Pindaan 1973) kepada pegawai – pegawai kerajaan yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing – masing bagi pihak Kerajaan Negeri, mengikut had harga kontrak yang ditetapkan seperti di dalam **Jadual 1** setelah diluluskan oleh Jawatankuasa yang dibenarkan meluluskan kontrak.

BIL	PEGAWAI UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK	HAD NILAI MENANDATANGANI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI)	HAD KUASA MENANDATANGANI KONTRAK
1.	Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri	RM30,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan/ Negeri
2.	Y.B. Pegawai Kewangan Negeri	RM25,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan/ Negeri
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	RM5,000,000.00 RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak di bawah Jabatannya Menandatangani kontrak-kontrak di bawah Jabatannya
4.	Ketua Jabatan(PTJ)	RM500,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak di bawah agensinya

Jadual 1

PELAKSANAAN

3. Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan – jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 204 dan 205. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan, peraturan kewangan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan semua jenis kontrak kerajaan dipatuhi sepenuhnya sebelum ianya ditandatangani untuk melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

4. Jabatan – jabatan yang menguruskan kontrak yang melebihi had nilai kontrak yang ditetapkan dalam pemberian kuasa kepadanya seperti **Jadual 1** di atas hendaklah mengemukakan dokumen kontrak tersebut kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7)

hari daripada tarikh dokumen kontrak ditandatangani oleh pihak kontraktor untuk tindakan menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri.

5. Jabatan – jabatan yang tidak diberikuasa untuk menandatangani kontrak bagi Kerajaan Negeri hendaklah merujuk semua dokumen kontrak yang dikendalikan oleh jabatan tersebut kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri untuk ditandatangani.

TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 22 Februari 2012 iaitu pada tarikh Surat Penurunan Kuasa Menandatangani Kontrak ini ditandatangani oleh Y.A.B. Ketua Menteri Melaka seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan, 1949 (Akta 120)(Pindaan 1973) .

PEMBATALAN

Surat rujukan PWN(M)011/3/16(49) bertarikh 28 Julai 2010 dan JKMM(S)/IT/3/12/4 Klt.34 (28) bertarikh 27 Ogos 2010 dengan ini dibatalkan.


Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”

“ MELAKA 751 TAHUN “

Saya yang menurut perintah.



(DATUK HAJI NAIM BIN ABU BAKAR)

Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

Tarikh : **27** Februari, 2013

s.k.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
MELAKA

- Untuk makluman YB Datuk Wira



KERAJAAN NEGERI MELAKA

JADUAL (Seksyen 9)

AKTA KONTRAK KERAJAAN, 1949 (AKTA 120) (PINDAAN 1973)

PEMBERIKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Saya, Ketua Menteri Melaka dengan ini memberi kuasa pegawai-pegawai berikut untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, apa-apa kontrak (dalam Jabatannya), tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dinyatakan di sebelah jawatan mereka itu. Sebelum menandatangani perlu rujuk kepada Y.A.B. Ketua Menteri dahulu untuk persetujuan.

BIL	PEGAWAI UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK	HAD NILAI MENANDATANGANI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI)	HAD KUASA MENANDATANGANI KONTRAK
1.	Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri	RM30,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan/ Negeri
2.	Y.B. Pegawai Kewangan Negeri	RM25,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan/ Negeri
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	RM5,000,000.00 RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak di bawah Jabatannya Menandatangani kontrak-kontrak di bawah Jabatannya

BIL	PEGAWAI UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK	HAD NILAI MENANDATANGANI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI)	HAD KUASA MENANDATANGANI KONTRAK
4.	Ketua Jabatan(PTJ)	RM500,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak di bawah agensinya

Dengan berkuatkuasanya surat penurunan kuasa ini, maka surat-surat kuasa yang berikut:-

i) JKMM(S)/IT/3/12/4 Klt.34 (28) bertarikh 27 Ogos 2010

adalah dibatalkan.

Menandatangani kontrak pada kontrak itu telah diluluskan oleh JK yang dibenarkan meluluskan kontrak.

.....
DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

Ketua Menteri Melaka

Tarikh:

22/8/2013

PWN(M)011/3/16()

Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 Oleh Y.A.B. Ketua Menteri Melaka